

PruBSN WarisanGold

Warisan kasih yang memenuhi
keperluan unik setiap keluarga



PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Ahli PIDM

Bina warisan yang pasti, dalam kehidupan yang penuh ketidakpastian.

Kejayaan dalam hidup memerlukan pemikiran proaktif, begitu juga untuk perancangan legasi anda. Namun, disebabkan perjalanan kehidupan yang tidak menentu, rancangan yang terbaik juga boleh tersasar.

Bagi pencari nafkah utama, memikirkan masa depan boleh memberikan tekanan. Apa yang akan berlaku kepada keluarga tersayang jika sesuatu yang tidak diingini menimpa anda, atau jika anda sudah tiada lagi di sisi mereka? Bagaimana mereka boleh mengekalkan gaya hidup mereka seperti biasa? Dan bagaimana mereka akan menampung perbelanjaan harian, keperluan perubatan atau pendidikan mereka?



Memperkenalkan **PruBSN WarisanGold**

pelan takaful yang berpandangan jauh, boleh diubah suai dan menyediakan perlindungan tinggi, direka khas untuk memenuhi keperluan unik keluarga anda.

Jadikan PruBSN WarisanGold pilihan anda demi menjamin masa depan terbaik untuk mereka yang tersayang, dan hidup dengan ketenangan berpanjangan walau apa jua cabaran yang mendarat, disamping mengumpul saham akhirat yang melangkaui hayat.

Pelan yang membantu anda merancang **warisan kasih**.

Kematian adalah sebahagian daripada kehidupan, kami memahami kerisauan anda tentang warisan yang akan anda tinggalkan, dan kami bersedia membantu anda untuk mencapai ketenangan fikiran.

Adakah mereka yang tersayang mampu meneruskan kehidupan tanpa perlu risaukan soal kewangan?

PruBSN WarisanGold menawarkan



Perlindungan Tinggi & Mampu Milik

Perlindungan hayat dan Hilang Upaya Kekal & Menyeluruh (TPD) bermula daripada RM350,000¹



Perlindungan Kematian Kemalangan sehingga 600%²

daripada Jumlah Perlindungan Asas



Manfaat Khas untuk Meningkatkan Nilai Warisan Anda

Protection Enhancer yang menawarkan peningkatan perlindungan automatik sehingga 15% serta Legacy Booster dan Legacy Bonus untuk memaksimumkan nilai warisan anda



Bantuan Kewangan Segera

Manfaat Khairat sebanyak RM3,000 dan Manfaat Badal Haji sebanyak RM3,000



¹ Untuk individu berumur di bawah 18 tahun, perlindungan bermula daripada RM250,000.

² Berdasarkan jumlah keseluruhan yang perlu dibayar untuk manfaat kematian dan manfaat kematian akibat kemalangan (jika berkenaan).

Diolah dengan fleksibiliti dan kemudahan demi memenuhi keperluan anda.

Perjalanan kehidupan setiap keluarga adalah unik dengan situasi yang berbeza.

Oleh itu, pelan ini direka khas demi mengatasi pelbagai kemungkinan dan menawarkan fleksibiliti yang tiada tandingan. Kini, anda boleh membina warisan yang anda impikan dengan mudah berdasarkan keperluan dan sesuai dengan semua peringkat kehidupan.

PruBSN WarisanGold juga menyediakan

1

Fleksibiliti dan Pelbagai Pilihan

Pilih jumlah perlindungan, tempoh perlindungan, tempoh pembayaran sumbangan, dan pelbagai manfaat tambahan

2

Pilihan daripada 10 Dana Berkaitan Pelaburan

untuk memenuhi keperluan risiko anda dan meningkatkan nilai tunai dengan potensi pulangan yang lebih

3

Pelanjutan Perlindungan Automatik sehingga Umur 100

Perlindungan akan berlanjutan sehingga umur 100³, tertakluk kepada sumbangan tambahan yang diperlukan

4

Pendaftaran Mudah

BSC sehingga RM4 juta, tertakluk kepada umur kemasukan, tanpa perlu menjalani pemeriksaan perubatan

Harta yang membawa berkat melangkaui hayat

PruBSN WarisanGold juga memberikan anda pilihan untuk

Sadaqah atau Wakaf sebahagian daripada manfaat kematian

Membuat Sumbangan Amal secara Berkala melalui rider Ihsan

Nabi Muhammad SAW bersabda: "Apabila seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalannya, kecuali tiga perkara, sedekah jariah, atau ilmu yang bermanfaat, atau anak soleh yang mendoakannya (untuk si mati)."

Sahih Muslim: No. 1631

³ Perlindungan akan berlanjutan selagi terdapat nilai tunai yang mencukupi untuk penolakan Tabarru` dan caj lain sehingga umur 100 tahun atau sehingga tempoh perlindungan yang maksimum untuk manfaat tertentu, yang mana lebih awal. Sumbangan tambahan mungkin diperlukan untuk memastikan nilai tunai adalah mencukupi sehingga akhir tempoh yang dilanjutkan.

Satu pelan legasi yang direka bagi memenuhi keperluan unik anda.

Kami memahami bahawa setiap individu adalah unik, jadi kami telah mereka satu pelan yang membolehkan anda untuk memilih manfaat-manfaat tambahan bersesuaian dengan keperluan anda yang juga boleh diubahsuai mengikut perubahan masa.

Kukuhkan pelan warisan anda dengan pelbagai manfaat tambahan



Perlindungan Penyakit Kritis

Melindungi pendapatan jika anda disahkan menghidap penyakit kritis agar anda dapat fokus sepenuhnya kepada proses pemulihan.



Perlindungan Kecacatan Akibat Kemalangan

Memberi anda perlindungan kewangan sekiranya berlaku hilang upaya akibat kemalangan.



Perlindungan Penyelesaian Hutang

Membantu keluarga tersayang menyelesaikan sebarang hutang selepas pemergian anda supaya mereka dapat meneruskan kehidupan dengan tenang.



Perlindungan Haji & Umrah

Perlindungan tambahan semasa menjalani *Haji* atau *Umrah* agar anda dapat beribadah dengan penuh ketenangan demi meraih keberkatan.



Perlindungan Berterusan (*Contributors*)

Memastikan kelangsungan perlindungan jika sesuatu yang tidak diingini berlaku dan anda tidak lagi mampu untuk membayar sumbangan.



Simpanan dan Pelaburan

Membantu anda menyimpan secara berkala dan meningkatkan nilai tunai melalui dana berkaitan pelaburan pilihan anda dengan pulangan berpotensi baik yang diluluskan Syariah.

Manfaat PruBSN WarisanGold

01 Manfaat Kematian dan TPD⁴

Dengan Jumlah Perlindungan Asas (BSC) bermula daripada RM350,000 (RM250,000 untuk kanak-kanak) apabila anda meninggal dunia atau TPD.

02 Manfaat Kematian Akibat Kemalangan⁵

Jika kematian disebabkan kemalangan berlaku sebelum mencapai umur 70 tahun, pelan ini menyediakan manfaat tambahan yang dibayar sebagai tambahan kepada BSC seperti berikut:

100%

dari BSC apabila kematian akibat kemalangan

200%

dari BSC apabila kematian akibat kemalangan yang berlaku di dalam pengangkutan awam

300%

dari BSC apabila kematian akibat kemalangan di luar negara

500%

dari BSC apabila kematian akibat bencana alam

03 Bantuan Kewangan Segera Apabila Berlaku Kematian

dengan Manfaat *Khairat* sebanyak RM3,000 dan Manfaat *Badal Haji*⁶ sebanyak RM3,000 untuk meringankan beban keluarga.

04 Manfaat Khas untuk Meningkatkan Nilai Warisan Anda

Protection Enhancer:

Amaun perlindungan tambahan sebanyak 2.5% daripada BSC selepas setiap 5 tahun sijil sehingga 15% yang diberikan secara automatik sebagai tambahan kepada manfaat kematian atau TPD anda seperti yang ditunjukkan di bawah:

Tahun Sijil apabila kematian / TPD	Jumlah Tambahan Protection Enhancer (% daripada BSC)
1 – 5	0%
6 – 10	2.5%
11 – 15	5.0%
16 – 20	7.5%
21 – 25	10.0%
26 – 30	12.5%
31 dan ke atas	15.0%

Legacy Booster⁷ :

Memaksimumkan nilai tunai dan dibayar mengikut peratusan BSC ke dalam PUA apabila anda mencapai umur 65, 75, atau 85 tahun (berdasarkan umur kemasukan) dan seterusnya setiap 10 tahun sijil sehingga tamat tempoh perlindungan pilihan seperti yang ditunjukkan di bawah:

Umur Kemasukan	Umur Ketika Pembayaran Pertama (Dan pembayaran setiap 10 tahun sijil seterusnya)	Jumlah Legacy Booster (% daripada BSC)
Umur ≤55	Umur 65	
Umur 56 - 65	Umur 75	2%
Umur ≥66	Umur 85	

Legacy Bonus⁸ :

Meningkatkan nilai kematangan dan dibayar mengikut peratusan BSC ke dalam PUA pada akhir tempoh sijil pilihan seperti yang ditunjukkan di bawah:

Tempoh Perlindungan / Umur Ketika Tempoh Tamat	Umur Ketika Pembayaran	Jumlah Legacy Bonus (% daripada BSC)	
		BSC < RM500k	BSC ≥ RM500k
20 tahun	Di akhir tempoh perlindungan selama 20 tahun ⁹		
Umur 70	Umur 70		
Umur 80	Umur 80	5%	8%
Umur 90	Umur 90		
Umur 100	Umur 100		

⁴ Apabila berlaku kematian atau TPD (sebelum umur 70 tahun), pelan ini membayar jumlah tertinggi daripada jumlah BSC berserta Protection Enhancer atau jumlah di dalam Akaun Unit Perlindungan (PUA). Jika berlaku kematian, nilai unit di dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA) juga akan dibayar.

⁵ Manfaat Kematian Akibat Kemalangan tertakluk kepada had maksimum RM5 juta untuk Orang yang Dilindungi di bawah umur 19 tahun dan RM25 juta untuk Orang yang Dilindungi berumur 19 tahun ke atas.

⁶ Manfaat ini adalah bayaran tunai sekaligus. PruBSN tidak akan menyediakan perkhidmatan Badal Haji. Bagi Orang yang Dilindungi bukan beragama Islam, Manfaat Badal Haji sebanyak RM3,000 akan dibayar sebagai Manfaat Khairat. Oleh itu, jumlah Manfaat Khairat sebanyak RM6,000 akan dibayar apabila Orang yang Dilindungi bukan beragama Islam meninggal dunia.

⁷ Dengan syarat sijil masih berkuatkuasa dan pembayaran sumbangan adalah terkini. Legacy Booster hanya terpakai untuk sijil yang tempoh penamatan awal sijil 65 tahun dan ke atas.

⁸ Dengan syarat sijil masih berkuatkuasa dan pembayaran sumbangan adalah terkini. Legacy Bonus hanya tertakluk untuk sijil yang tempoh penamatan awal sijil 70 tahun dan ke atas.

⁹ Terpakai jika umur pada akhir tempoh 20 tahun sijil adalah 70 tahun ke atas.

Cara Pelan ini Berfungsi

1

Ini adalah Arif, berumur 35 tahun dan tidak merokok. Dia hidup bahagia bersama isterinya dan dua orang anak. Memahami kepentingan merancang warisan, beliau menyertai **PruBSN WarisanGold** dengan BSC sebanyak RM500,000 yang tamat tempoh pada umur 70 tahun.



2

Arif juga memilih untuk memperuntukkan 20% daripada BSC beliau selepas kematiannya melalui fasiliti Pilihan Kebajikan, dengan peruntukan sebanyak 10% untuk *sadaqah* dan 10% lagi untuk *wakaf*.



3

Pada usia 65 tahun, Arif menerima Legacy Booster di mana 2% daripada BSC bersamaan dengan RM10,000 dibayar ke dalam PUA untuk meningkatkan nilai tunainya.



4

Pada usia 67 tahun, Arif meninggal dunia akibat banjir besar di Malaysia¹⁰.

Manfaat berikut akan dibayar:



Manfaat *Khairat* sebanyak RM3,000 dan Manfaat *Badal Haji* sebanyak RM3,000 akan dibayar dengan segera kepada penerima tuntutan untuk membantu menampung kos pengebumian dan pelaksanaan *Haji* bagi pihak Arif.



Manfaat asas kematian berjumlah RM575,000 (merangkumi 100% BSC¹¹ berserta Protection Enhancer sebanyak 15%), akan dibayar.



Memandangkan punca kematian adalah bencana alam, jumlah tambahan sebanyak RM2,500,000 (500% BSC) akan dibayar di bawah Manfaat Kematian Akibat Kemalangan.



Jumlah bayaran manfaat kematian adalah RM3,075,000 tidak termasuk Manfaat *Khairat* dan Manfaat *Badal Haji*, dan akan diagihkan kepada penama dan badan kebajikan terpilih (jika ada).

- 20% daripada jumlah manfaat kematian akan dibayar kepada badan kebajikan terpilih seperti Yayasan Wakaf Malaysia dan Prudential BSN Prihatin.
- Baki jumlah akan dibayar kepada penama atau penerima tuntutan untuk membantu menampung kos perbelanjaan harian demi mengekalkan gaya hidup atau membayar sebarang hutang yang masih tertunggak.

¹⁰ Banjir dianggap sebagai bencana alam. Tertakluk pada terma dan syarat.

¹¹ Dengan andaian bahawa nilai unit dalam PUA adalah lebih rendah daripada BSC.

Ubah Suai Perlindungan Anda

Penyakit Kritikal	Terima jumlah tunai sekaligus apabila anda didiagnosis dengan mana-mana satu daripada 43 penyakit kritikal sekiranya anda memilih untuk menambah rider berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Crisis Protector • Crisis Shield 						
Kemalangan	Dapatkan perlindungan kewangan apabila hilang upaya atau mengalami hilang upaya akibat kemalangan dengan Accidental Disablement Protector .						
Level Term Benefit	Dengan rider Level Term Benefit , penama anda akan menerima wang tambahan untuk menyelesaikan hutang seperti pembiayaan harta tanah. Manfaat ini akan dibayar jika anda meninggal dunia dalam tempoh perlindungan pilihan anda: 5, 10, 20, atau 30 tahun.						
Haji / Umrah	Dengan rider Haji Umrah Protector , anda akan menerima manfaat tambahan berikut: <ul style="list-style-type: none"> • 200% daripada jumlah perlindungan rider disebabkan kematian atau TPD semasa Haji atau Umrah. • Manfaat <i>Imunisasi Haji Umrah</i> sehingga RM300 setiap 3 tahun. 						
Contributors	Rider-rider berikut: <table border="0"> <tr> <td>• Contributor Protect</td> <td>• Contributor Parent Saver</td> </tr> <tr> <td>• Contributor Saver</td> <td>• Contributor Spouse Protect</td> </tr> <tr> <td>• Contributor Parent Protect</td> <td>• Contributor Spouse Saver</td> </tr> </table> akan membantu membayar sumbangan anda jika berlaku kematian, TPD, atau penyakit kritikal anda atau ahli keluarga yang dilindungi (jika berkenaan). Jika lebih daripada satu manfaat <i>Contributor</i> berlaku pada masa yang sama, Dana <i>Tabarru`</i> bukan sahaja akan membantu anda dengan bayaran sumbangan sijil, malah satu jumlah yang sama dengan Jumlah Perlindungan bagi manfaat <i>Contributor</i> yang terlibat akan diperuntukkan sebanyak 100% ke dalam akaun IUA sijil untuk meningkatkan nilai tunai anda.	• Contributor Protect	• Contributor Parent Saver	• Contributor Saver	• Contributor Spouse Protect	• Contributor Parent Protect	• Contributor Spouse Saver
• Contributor Protect	• Contributor Parent Saver						
• Contributor Saver	• Contributor Spouse Protect						
• Contributor Parent Protect	• Contributor Spouse Saver						
Simpanan & Pelaburan	Sertakan rider Takaful Saver atau Takaful Saver Kid untuk meningkatkan nilai tunai dengan potensi pulangan. Sumbangan anda akan dilaburkan dalam dana pelaburan pilihan anda yang diluluskan Syariah. Untuk maklumat lanjut mengenai Helaian Fakta Dana dan prestasi masa lalu dana, sila rujuk www.prubsn.com.my .						
Menderma melalui Ihsan	Rider Ihsan membolehkan anda membantu mereka yang kurang bernasib baik melalui inisiatif PruBSN Microtakaful Jariyah. PruBSN Microtakaful Jariyah adalah inisiatif PruBSN yang menyediakan perlindungan takaful kepada keluarga miskin dan miskin tegar yang berkelayakan.						

Ciri-ciri Utama Produk

Umur Kemasukan	14 hari – Umur 70 tahun										
Jumlah Perlindungan Asas (BSC)	<p>Dewasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Minimum: RM350,000 • Maksimum: Tiada had (Tertakluk kepada pengunderaitan) <p>Kanak-kanak</p> <ul style="list-style-type: none"> • Minimum: RM250,000 • Maksimum: RM3,000,000 										
Tempoh Perlindungan¹²	Pilih untuk dilindungi selama 20 tahun atau sehingga umur 70, 80, 90 atau 100 tahun.										
Tempoh Pembayaran Sumbangan	Fleksibiliti untuk memilih tempoh pembayaran sumbangan anda: <ul style="list-style-type: none"> • 5 tahun • 10 tahun • 20 tahun • Sepanjang Tempoh Perlindungan 										
Manfaat Kematian	Sekiranya berlaku kematian, kami akan membayar mana yang lebih tinggi daripada: <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah BSC semasa berserta Protection Enhancer (jika ada); atau • Nilai unit di dalam Akaun Unit Perlindungan (PUA) jika ada berserta sebarang baki unit di dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA). 										
Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)	Sekiranya berlaku TPD sebelum tamat tempoh perlindungan atau umur 70 tahun, yang mana lebih awal, pelan ini akan membayar jumlah mana yang lebih tinggi daripada BSC keseluruhan berserta Protection Enhancer atau nilai di dalam PUA (jika ada). <p>Nota: tertakluk kepada had maksimum RM8,000,000 sepanjang hayat.</p>										
Lien Juvenil	<p>Lien Juvenil adalah terpakai apabila tuntutan dibuat ke atas kematian, TPD, penyakit kritikal dan kematian akibat kemalangan orang yang dilindungi sebelum umur 5 tahun di mana sebahagian daripada manfaat akan dibayar berdasarkan jadual di bawah:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Umur kanak-kanak semasa tuntutan dibuat</th> <th>Peratusan Jumlah Berisiko untuk Kematian/TPD/ Penyakit Kritikal/ Kematian Akibat Kemalangan (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>20</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>40</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>60</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>80</td> </tr> </tbody> </table>	Umur kanak-kanak semasa tuntutan dibuat	Peratusan Jumlah Berisiko untuk Kematian/TPD/ Penyakit Kritikal/ Kematian Akibat Kemalangan (%)	1	20	2	40	3	60	4	80
Umur kanak-kanak semasa tuntutan dibuat	Peratusan Jumlah Berisiko untuk Kematian/TPD/ Penyakit Kritikal/ Kematian Akibat Kemalangan (%)										
1	20										
2	40										
3	60										
4	80										

¹² Tempoh perlindungan minimum ialah 20 tahun.

Sumbangan

Sumbangan bulanan minimum sebanyak RM100 untuk dewasa dan RM50 untuk kanak-kanak. Sumbangan ini berdasarkan pemilihan jumlah perlindungan, tempoh perlindungan, tempoh pembayaran sumbangan, frekuensi sumbangan, umur, jantina, status merokok, kelas pekerjaan, dan keadaan kesihatan.

Jumlah sumbangan keseluruhan merangkumi Sumbangan Perlindungan, sebarang Sumbangan Pengagih dan Sumbangan Pelaburan. Sumbangan Perlindungan dan Sumbangan Pengagih akan diperuntukkan ke dalam PUA dan Sumbangan Pelaburan akan diperuntukkan ke dalam IUA selepas potongan pendahuluan Caj Wakalah.

Jadual di bawah menunjukkan contoh sumbangan tahunan untuk lelaki yang tidak merokok yang berumur 30 tahun tanpa sebarang masalah kesihatan, dengan Jumlah Perlindungan Asas yang dilindungi daripada RM350,000, tempoh perlindungan yang dipilih sehingga umur 70 tahun dan dana berkaitan pelaburan yang dipilih adalah 50% Takafulink Dana Urus dan 50% Takafulink Dana Sukuk:

Jumlah sumbangan yang perlu dibayar berdasarkan tempoh perlindungan sehingga umur 70	Untuk menambahbaik kemampunan sijil anda sehingga tamat Tempoh Sijil Lanjutan (sehingga umur 100)	
	Alternatif 1	Alternatif 2
RM1,836 Setahun	<p>Kami menasihatkan untuk terus membayar jumlah sumbangan sehingga tamat Pelanjutan Perlindungan Automatik.</p> <p>Selain itu, penambahan sumbangan berkala¹³ sebanyak RM3,630 Tahunan adalah dicadangkan dari umur 30 tahun sehingga tamat Pelanjutan Perlindungan Automatik.</p> <p>Jumlah sumbangan yang perlu dibayar: RM5,196 setiap tahun bermula dari umur 30 tahun hingga umur 99 tahun.</p>	<p>Kami menasihatkan untuk terus membayar jumlah sumbangan sehingga tamat Pelanjutan Perlindungan Automatik.</p> <p>Selain itu, penambahan sumbangan berkala¹³ sebanyak RM27,564 Tahunan adalah dicadangkan dari umur 70 tahun sehingga tamat Pelanjutan Perlindungan Automatik.</p> <p>Jumlah sumbangan yang perlu dibayar: RM1,836 setiap tahun bermula dari umur 30 tahun hingga umur 69 tahun. RM29,400 setiap tahun bermula dari umur 70 tahun hingga umur 99 tahun.</p>

Nota: Jumlah sumbangan yang ditunjukkan di atas tidak dijamin dan dianggarkan berdasarkan jumlah minimum yang diperlukan. Sumbangan mungkin berbeza bergantung kepada pulangan pelaburan sebenar, manfaat yang dipilih, pembayaran sumbangan, Penolakan Tabarru', dan caj-caj lain. Anda boleh merujuk kepada penyata tahunan untuk jumlah tambahan sumbangan berkala yang disyorkan, yang dikemaskini setiap tahun untuk meningkatkan kemampunan sijil sehingga tempoh lanjutan (berdasarkan Alternatif 1) dan boleh mempertimbangkan untuk menambah sumbangan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kemampunan sijil anda. PruBSN akan memberikan anda notis sekurang-kurangnya 90 hari sebelum Pelanjutan Perlindungan Automatik jika ada sebarang sumbangan tambahan yang diperlukan semasa tempoh lanjutan. Sila rujuk kepada Lampiran Keterangan Produk untuk jumlah sumbangan yang perlu dibayar berdasarkan tempoh perlindungan yang dipilih.

¹³ Penambahan nilai sumbangan berkala boleh dilakukan melalui rider Takaful Saver atau Takaful Saver Kid, jika berkenaan.

	<p>Pilih daripada 10 jenis dana pelaburan menempatkan sumbangan anda berdasarkan pilihan risiko anda.</p> <p>Sumbangan anda (selepas pemotongan caj <i>Wakalah</i>) akan dilaburkan dalam dana berkaitan pelaburan pilihan anda yang disahkan menurut prinsip syariah.</p> <table border="0" data-bbox="420 437 1429 640"> <tr> <td data-bbox="420 437 897 640"> <ul style="list-style-type: none"> • Takafulink Dana Aktif • Takafulink Dana Asia • Takafulink Dana Dinamik • Takafulink Dana Ekuiti Dinasti • Takafulink Dana Ekuiti Global </td><td data-bbox="928 437 1429 640"> <ul style="list-style-type: none"> • Takafulink Dana Ekuiti Income • Takafulink Dana Ekuiti Plus • Takafulink Dana ESG Global • Takafulink Dana Sukuk • Takafulink Dana Urus </td></tr> </table> <p>Sila rujuk kepada Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut mengenai kadar peruntukan sumbangan anda. Untuk maklumat lanjut mengenai Helaian Fakta Dana dan prestasi pelaburan dana yang lalu, sila rujuk www.prbsn.com.my.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Takafulink Dana Aktif • Takafulink Dana Asia • Takafulink Dana Dinamik • Takafulink Dana Ekuiti Dinasti • Takafulink Dana Ekuiti Global 	<ul style="list-style-type: none"> • Takafulink Dana Ekuiti Income • Takafulink Dana Ekuiti Plus • Takafulink Dana ESG Global • Takafulink Dana Sukuk • Takafulink Dana Urus
<ul style="list-style-type: none"> • Takafulink Dana Aktif • Takafulink Dana Asia • Takafulink Dana Dinamik • Takafulink Dana Ekuiti Dinasti • Takafulink Dana Ekuiti Global 	<ul style="list-style-type: none"> • Takafulink Dana Ekuiti Income • Takafulink Dana Ekuiti Plus • Takafulink Dana ESG Global • Takafulink Dana Sukuk • Takafulink Dana Urus 		



Caj & Penolakan

	<p>Merangkumi komisen, perbelanjaan berkaitan pengagihan, dan perbelanjaan pengurusan. Peratusan yang ditunjukkan di bawah adalah berdasarkan sumbangan yang dibayar dan untuk tempoh pembayaran sumbangan selama 20 tahun dan ke atas.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun Sijil</th><th>1</th><th>2</th><th>3</th><th>4</th><th>5</th><th>6</th><th>7</th><th>≥ 8</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sumbangan Perlindungan</td><td>40%</td><td>40%</td><td>40%</td><td>20%</td><td>20%</td><td>20%</td><td>5%</td><td>0%</td></tr> <tr> <td>Sumbangan Allocator dan Sumbangan Pelaburan</td><td colspan="8">5%</td></tr> </tbody> </table> <p>Untuk tempoh pembayaran sumbangan kurang daripada 20 tahun, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk. Caj Wakalah Pendahuluan tidak digunakan untuk rider Ihsan.</p>	Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	7	≥ 8	Sumbangan Perlindungan	40%	40%	40%	20%	20%	20%	5%	0%	Sumbangan Allocator dan Sumbangan Pelaburan	5%							
Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	7	≥ 8																				
Sumbangan Perlindungan	40%	40%	40%	20%	20%	20%	5%	0%																				
Sumbangan Allocator dan Sumbangan Pelaburan	5%																											
Caj Wakalah Pendahuluan	<p>Caj pengurusan sijil anda.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kaedah</th><th>Kaedah pembayaran berulang¹⁴</th><th>Kaedah pembayaran tidak berulang (Tunai/ Cek)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kekerapan</td><td>RM10 sebulan</td><td>RM13 sebulan</td></tr> </tbody> </table>	Kaedah	Kaedah pembayaran berulang ¹⁴	Kaedah pembayaran tidak berulang (Tunai/ Cek)	Kekerapan	RM10 sebulan	RM13 sebulan																					
Kaedah	Kaedah pembayaran berulang ¹⁴	Kaedah pembayaran tidak berulang (Tunai/ Cek)																										
Kekerapan	RM10 sebulan	RM13 sebulan																										
Penolakan Tabarru'	<p>Ini adalah untuk membayar perlindungan Takaful anda. Nilainya berbeza bergantung kepada umur yang dicapai, jantina, jumlah perlindungan, status merokok, kelas pekerjaan dan status kesihatan.</p>																											
Caj Wakalah Pengurusan Aset	<p>Menampung perbelanjaan pengurusan pelaburan anda. Caj ini akan ditolak setiap hari dan telah diambilkira dalam pengiraan harga unit.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Dana Berkaitan Pelaburan</th><th>Caj Wakalah Pengurusan Aset</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Takafulink Dana Aktif</td><td>1.50% setahun</td></tr> <tr> <td>Takafulink Dana Asia</td><td>1.50% setahun</td></tr> <tr> <td>Takafulink Dana Dinamik</td><td>1.25% setahun</td></tr> <tr> <td>Takafulink Dana Ekuiti Dinasti</td><td>1.50% setahun</td></tr> <tr> <td>Takafulink Dana Ekuiti Global</td><td>1.50% setahun</td></tr> <tr> <td>Takafulink Dana Ekuiti Income</td><td>1.50% setahun</td></tr> <tr> <td>Takafulink Dana Ekuiti Plus</td><td>1.50% setahun</td></tr> <tr> <td>Takafulink Dana ESG Global</td><td>1.50% setahun</td></tr> <tr> <td>Takafulink Dana Sukuk</td><td>0.50% setahun</td></tr> <tr> <td>Takafulink Dana Urus</td><td>1.30% setahun</td></tr> </tbody> </table>	Dana Berkaitan Pelaburan	Caj Wakalah Pengurusan Aset	Takafulink Dana Aktif	1.50% setahun	Takafulink Dana Asia	1.50% setahun	Takafulink Dana Dinamik	1.25% setahun	Takafulink Dana Ekuiti Dinasti	1.50% setahun	Takafulink Dana Ekuiti Global	1.50% setahun	Takafulink Dana Ekuiti Income	1.50% setahun	Takafulink Dana Ekuiti Plus	1.50% setahun	Takafulink Dana ESG Global	1.50% setahun	Takafulink Dana Sukuk	0.50% setahun	Takafulink Dana Urus	1.30% setahun					
Dana Berkaitan Pelaburan	Caj Wakalah Pengurusan Aset																											
Takafulink Dana Aktif	1.50% setahun																											
Takafulink Dana Asia	1.50% setahun																											
Takafulink Dana Dinamik	1.25% setahun																											
Takafulink Dana Ekuiti Dinasti	1.50% setahun																											
Takafulink Dana Ekuiti Global	1.50% setahun																											
Takafulink Dana Ekuiti Income	1.50% setahun																											
Takafulink Dana Ekuiti Plus	1.50% setahun																											
Takafulink Dana ESG Global	1.50% setahun																											
Takafulink Dana Sukuk	0.50% setahun																											
Takafulink Dana Urus	1.30% setahun																											
Caj Wakalah Penambahan	<p>RM25, dikecualikan sehingga e-transaksi dilaksanakan.</p> <p>Apabila e-transaksi tersedia, permintaan secara manual untuk penambahan sumbangan tunggal tertakluk kepada RM25.</p>																											
Caj Wakalah Penukaran Dana	<p>4 pertukaran percuma dibenarkan setiap tahun sijil. Sebarang tukar ganti tambahan dalam tempoh tahun tersebut akan dikenakan caj tukar ganti yang ditetapkan pada 1% daripada amaun yang ditukar ganti, tertakluk pada jumlah maksimum sebanyak RM50. Caj akan di kecualikan sehingga e-transaksi dilaksanakan.</p>																											

¹⁴ Kaedah pembayaran berulang adalah merujuk kepada pembayaran melalui kemudahan bil secara automatik seperti, tetapi tidak terhad kepada Debit Terus, Kad Debit, Kad Kredit atau Biro Angkasa.

Nota-Nota Penting

1. Ini adalah produk takaful yang terikat pada prestasi asset-asset pendasar, dan ia bukan suatu produk pelaburan tulen seperti unit amanah.
2. Pulangan daripada PUA dan IUA anda (jika berkenaan), sekiranya ada, akan berdasarkan pada prestasi sebenar dana-dana dan ia tidak dijamin.
3. Risiko pelaburan dana anda akan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang dibayar.
4. Anda seharusnya terus membayar sumbangan anda secara tetap sehingga tarikh matang pelan anda untuk memastikan orang yang dilindungi terlindung sepenuhnya di bawah pelan ini setiap masa. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menamatkan perlindungan pelan ini sebelum tarikh matang.
5. Jika anda berhenti membayar atau tertinggal membayar sumbangan, pelan perlindungan ini mungkin ditamatkan sebelum tamat tempoh. Sijil anda akan tamat sekiranya amaun PUA dan/atau IUA anda tidak mencukupi untuk membayar Penolakan *Tabarru`* dan caj-caj lain.
6. Sumbangan, penolakan *Tabarru`* dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. PruBSN boleh menyemak semula sumbangan, penolakan *Tabarru`* dan/atau caj lain dengan memberi notis bertulis 90 hari (kecuali untuk manfaat penyakit kritikal, jika ada, di mana notis 30 hari akan diberikan). Sekiranya terdapat kenaikan penolakan *Tabarru`* dan caj-caj lain, anda mungkin perlu membayar tambahan sumbangan tambahan.
7. Manfaat contributor akan membantu dalam pembayaran jumlah sumbangan atas kematian, TPD atau penyakit kritikal anda atau ahli keluarga anda, jika berkenaan, sewaktu tempoh pembayaran sumbangan sijil dan amaun manfaat adalah seperti yang dinyatakan dalam dokumen sijil takaful. Sekiranya terdapat semakan sumbangan atau semakan caj-caj yang menjelaskan jumlah sumbangan pada masa hadapan, anda dikehendaki membayar tambahan sumbangan penambahan bagi memastikan nilai PUA dan IUA masih berterusan sepanjang tempoh sijil.
8. Anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan dengan pelan ini tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
9. PruBSN WarisanGold adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta`awun*) di mana sebahagian daripada sumbangan anda ditolak dan dikumpulkan ke dalam *Dana Tabarru`* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk caj-caj *Wakalah* yang tersenarai di atas.
10. PruBSN WarisanGold tidak menyediakan manfaat daripada Dana *Tabarru`* pada penamatan, tamat tempoh atau kematangan sijil.

11. Anda berhak menerima sebarang agihan lebih daripada Dana *Tabarru`* termasuk keuntungan (jika ada). Bersama para peserta yang lain, anda berhak menerima 50% daripada lebihan dan PruBSN akan menerima 50% baki selebihnya sebagai yuran prestasi menguruskan Dana *Tabarru`*. Bahagian agihan lebihan anda akan dimasukkan semula ke dalam PUA anda. Amaun agihan lebihan sebenar akan ditetapkan setiap tahun dan tertakluk pada persetujuan Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
12. Sebarang rujukan kepada umur adalah berdasarkan Umur pada Hari Jadi Akan Datang, kecuali dinyatakan sebaliknya.
13. Anda boleh membatalkan pelan ini dengan menghantar permohonan bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran sijil, dalam kes tersebut kami akan memulangkan semula kepada anda nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga unit pada tarikh penilaian seterusnya, sumbangan Ihsan anda (jika ada), sebarang Penolakan *Tabarru`*, Caj *Wakalah* pendahuluan, Caj *Wakalah* Perkhidmatan, dan sebarang cukai yang telah dipotong ditolak dengan mana-mana yuran perubatan yang telah ditanggung oleh PruBSN.
14. Anda boleh meminta secara bertulis untuk menarik balik Pelanjutan Perlindungan Automatik pada bila-bila masa setelah sijil anda dikeluarkan. Ini akan menyebabkan perlindungan anda berakhir pada tempoh sijil asal tanpa lanjutan. Walau bagaimanapun, jika ada permintaan berikutnya untuk memohon semula Pelanjutan Perlindungan Automatik, permohonan ini akan tertakluk kepada pengunderaitan.
15. Risalah ini tidak mengikat sebarang kontrak antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pelan ini dan manfaat tambahannya, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk, Lampiran Keterangan Produk dan Helaian Fakta Dana, sebelum menyertai pelan ini dan sila rujuk kepada terma dan syarat di dalam dokumen sijil untuk maklumat lanjut mengenai ciri-ciri penting pelan ini.
16. Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakselarasan antara brosur versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia dan untuk tujuan penafsiran dan pembinaan, brosur versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Pengecualian

PruBSN WarisanGold tidak melindungi sebarang situasi berikut:

1. Kematian akibat membunuh diri dalam tahun pertama dari tarikh permulaan sijil atau tarikh penguatkuasaan semula sijil.
2. TPD yang berlaku secara langsung ataupun tidak langsung disebabkan oleh:
 - i. Percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri sendiri semasa waras atau tidak waras.
 - ii. Melakukan atau percubaan untuk melakukan kesalahan jenayah oleh orang yang dilindungi.
 - iii. Penyalahgunaan dadah atau stimulator, atau komplikasinya.
 - iv. Peperangan atau tindakan agresif, termasuk penaklukan, tindakan keganasan negara asing, musuh luar (sama ada perang diisyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, campur tangan ketenteraan atau rampasan kuasa.
 - v. Penglibatan dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara), melainkan kami memberi persetujuan melalui endorsan khas.
 - vi. Sebarang keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada kami berhubung dengan status kesihatan bagi Orang yang Dilindungi.
 - vii. Sebarang keadaan kongenital, trauma kelahiran dan kesan komplikasi daripadanya, bagi Sijil atau Lampiran yang diluluskan semasa Orang yang Dilindungi masih berada dalam kandungan atau sebelum Orang yang Dilindungi mencecah usia 14 tahun.

Pengecualian dan had-had adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda hendaklah merujuk kepada dokumen sijil untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Apakah Itu Takaful?

Suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

Takaful diambil daripada istilah Arab 'kafala' yang membawa erti
"Jaminan bersama" atau
menjamin antara satu sama lain.

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.

Pertolongan
Bersama

Perlindungan
Bersama
Dari pada Kerugian

Tanggungjawab
Bersama

Secara intipatinya, takaful adalah berasaskan prinsip "*Ta`awun*"
(kerjasama/pertolongan bersama)
di mana penglibatan penyertaannya adalah
***Tabarru'at* (kebajikan).**

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

PruBSN WarisanGold adalah produk berasaskan Syariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

(No. Syarikat 200601020898 (740651-H))

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.



03 2775 7188



customer@prubsn.com.my



SMS PruBSN dan hantarkan ke **33080**



www.facebook.com/prubsn



www.instagram.com/prubsn_official



www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad

Penting: Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan Januari 2024.